

Pameran serangga di Zoo Negara

KUALA LUMPUR 19 Jun – Sebanyak 1,000 ekor rama-rama pelbagai spesies dan 200 spesies serangga lain bakal menjadi tarikan terbaru di Zoo Negara.

Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Seri Abdul Rahman Abdul Taib berkata, tarikan terbaru itu akan dipamerkan di *Mammal Kingdom* pada 27 Jun ini di bawah seliaan pakar serangga, Raymon Lim.

Menurutnya, pameran itu adalah realisasi kepada perancangan pihak pengurusan Zoo Negara untuk mengadakan koleksi spesies serangga dari seluruh dunia.

Katanya, orang ramai yang berkunjung ke Zoo Negara tidak seharusnya melepaskan peluang untuk melihat serangga yang dipamerkan itu bagi mengenali haiwan kecil tersebut dengan lebih dekat.

“Saya yakin pelawat akan meninggalkan tempat ini dengan kenangan istimewa kerana belum pernah diadakan pameran pelbagai spesies serangga di bawah satu bumbung setakat ini di negara ini,” katanya.

Maklumat lanjut, hubungi Jabatan Perhubungan Awam dan Pemasaran Zoo Negara di talian 03-41072070 atau 019-6693215.